


## EMPAT LANGKAH UNTUK PAUTAN DOKUMEN KPI PPI DI LAMAN WEB CIDOS

### LANGKAH SATU

Layari laman web [www.cidos.edu.my](http://www.cidos.edu.my) dan akan dipaparkan seperti Rajah 1



Rajah 1: Paparan web CIDOS

## LANGKAH DUA


Setelah pengguna login, terus klik pada *Curriculum Inventory* seperti Rajah 2 di bawah

The screenshot displays the CIDOS (Curriculum Information Document Online System) website. At the top, there is a header with the logo of Politeknik Metro and the text "Curriculum Development & Evaluation Division". Below the header, the text "CIDOS : Curriculum Information Document Online System" is visible. A navigation menu contains several items: BPPK Staff, Curriculum Inventory, Curriculum Evaluation, Curriculum Review Committee, Teaching & Learning Repository, CIDOS e-Learning, and FAQ. The "Curriculum Inventory" item is circled with a dashed line, and a dashed arrow points from this circle to a larger, detailed icon of the "Curriculum Inventory" menu item below the main navigation bar. On the right side of the page, there is a login section with the text "YOU ARE NOT LOGGED IN. (LOGIN)", a calendar, and a login form with fields for "Username" and "Password", and a "Login" button. The Politeknik Metro logo and name are also present in the lower-left area of the page.

Rajah 2 : Paparan *Curriculum Inventory*

### LANGKAH TIGA

Pada paparan tersebut, pengguna harus click pada **Garis Panduan AKADEMIK** seperti Rajah 3 di bawah



**Rajah 3: Paparan Garis Panduan AKADEMIK**

Nota: Dokumen KPI PPI diletakkan di dalam bahagian Garis Panduan Akademik

EMPAT LANGKAH UNTUK PAUTAN DOKUMEN KPI PPI  
DI LAMAN PORTAL POLITEKNIK

**LANGKAH SATU**

Layari portal JPP [www.politeknik.gov.my](http://www.politeknik.gov.my) dan akan dipaparkan seperti di bawah:

1 → [politeknik.gov.my](http://politeknik.gov.my)

**KPT POLITEKNIK**  
Jabatan Pengajian Politeknik  
Portal Rasmi Jabatan Pengajian Politeknik  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

UTAMA    MAKLUMAT KORPORAT    PELAJAR    STAF    PENYELIDIKAN

**PROGRAM DIPLOMA LANJUTAN**  
13 Southern  
Kejuruteraan Elektrik (P3A)  
Kejuruteraan Mekanikal (P40)  
Kejuruteraan Mekatronik (P15)  
Kejuruteraan Reka Bentuk dan Pembuatan Automotif (P1)

PERKHIDMATAN ONLINE

- Semak Status Permohonan Ke Politeknik
- MAKLUMBALAS ONLINE
- DIREKTORI STAF
- eDokumen**
- JAWATAN KOSONG
- SOALAN UMUM

**EDOKUMEN**

Kategori: --Sila Pilih--

Keputusan: 2013 ← 3  
2012  
2011

- GARIS PANDUAN KPI PPI 2013-2015 ← 4
- Slaid Amanat Ketua Pengarah 2013
- Borang Alumni Politeknik JPP
- FAQ POLITIK PENJAWAT AWAM

# GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN KPI PPI 2013 - 2015


## KPI TRANSFORMASI POLITEKNIK:

PERATUS PROGRAM MENCAPAI JAM INTERAKSI  
YANG MELIBATKAN PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI (PPI)



**KPT**  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**POLITEKNIK**  
Jabatan Pengajian Politeknik



**EDISI 2013**

## GLOSARI

PSPTN	Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara
UNESCO	<i>United Nations Educational Scientific And Cultural</i>
ILO	<i>International Labour Organization</i>
COPPA	Kod Amalan Akreditasi Program
KPI	Petunjuk prestasi utama
PPI	Pensyarah Pelawat Industri
P&P	Pengajaran dan pembelajaran
OS	Objektif strategik
OD	Definisi operasi
CQI	Penambahbaikan kualiti berterusan

## 1. LATAR BELAKANG

Matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) adalah selaras dengan objektif Misi Nasional, iaitu untuk membangun serta membina modal insan dan modal intelek berkualiti bagi menjayakan aspirasi negara Malaysia yang maju, makmur dan kompetitif.

Agenda Transformasi Politeknik dilaksanakan dalam tempoh masa Rancangan Malaysia- Ke-10. Transformasi ini berteraskan pemeraksanaan politeknik, pembangunan program dalam bidang tujuan tertentu, tenaga pengajar dan kakitangan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi serta imej dan budaya kerja cemerlang. Objektif transformasi pula adalah untuk:

- melonjakkan politeknik sebagai institusi peneraju dalam bidang pendidikan dan latihan teknik dan vokasional;
- mengukuhkan kerelevanan dan responsifan program pengajian di politeknik terhadap pembangunan ekonomi negara;
- menerajui bidang tujuan dan teknologi tertentu yang boleh mengupayakan politeknik menghasilkan graduan berkualiti yang berdaya usahawan (*enterprising*), berkebolehpasaran tinggi dan berdaya saing;
- membina reputasi antarabangsa dan jenama yang mampu meletakkan institusi politeknik antara institusi pengajian tinggi negara yang terbaik; dan
- mempelbagai dan meluaskan penawaran program yang mampu menarik minat pelajar ke politeknik.




Keperluan kepada graduan yang *work-ready* selari dengan Transformasi Politeknik Fasa Dua: Peningkatan Ke Arah Kecemerlangan yang menjadikan *graduate employability* sebagai salah satu petunjuk kejayaan transformasi politeknik.

Di dalam *Technical & Vocational Education and Training for the Twenty-first Century – UNESCO & ILO Recommendation* menyatakan dalam Perkara 79:

*“Skilled professionals working outside education should be invited to teach in school, universities or other educational institutions in order to link the world of work more closely to the classroom.”<sup>1</sup>*

Penekanan yang diberikan oleh pihak UNESCO dan ILO dilihat sebagai satu saranan penting bagi membantu politeknik menjayakan agenda transformasi selaras dengan matlamat yang digariskan dalam PSPTN.




Buku *Technical & Vocational Education and Training for the Twenty-first Century*

<sup>1</sup> Muka 44, <http://unesdoc.unesco.org/images/0012/001260/126050e.pdf>

## 2. RASIONAL

Dalam buku Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA) iaitu standard asas perkara 2.2.1(6) menyatakan:



MCA

Buku Kod Amalan  
Akreditasi Program  
(COPPA)

*"WAJIB diwujudkan kepelbagaian dalam kaedah pengajaran-pembelajaran untuk mencapai matlamat kelapan-lapan domain hasil pembelajaran di samping memastikan bahawa pelajar bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka sendiri"*<sup>2</sup>

Selaras itu, pelaksanaan KPI PPI ini dilihat sebagai salah satu kaedah yang diperkenalkan bagi membantu politeknik dalam mempelbagaikan kaedah P&P dalam meningkatkan kefahaman pelajar dalam bidang pengajian yang diikuti.

Pelaksanaan KPI PPI ini juga dikuatkan dengan kenyataan oleh Prof Dr Shyamal Majumdar dalam *Industry-Institute Interaction to Public-Private Partnership: A Journey to Excellence* iaitu:

*"Exposing the future workforce to the actual fieldwork, industrial environment, state-of-the-art science and technology adapted in machineries and equipment operations and industrial practices provide ways to relate classroom theories with actual industrial experiences at the cognitive level of the students. The visits to the industry broaden the mental orientation of the students and also give the true picture of the on- going work"*<sup>3</sup>

Selain itu, di dalam Perkara 5.11 Dasar & Prinsip Perancangan & Penyampaian Kurikulum Program Pengajian berkenaan perkongsian pintar industri menyatakan penglibatan industri perlu dipertingkatkan dalam pelaksanaan P&P bagi melahirkan graduan yang work-ready. Tahap pencapaian matlamat dan hasil pembelajaran dimantapkan melalui pelaksanaan aktiviti P&P bersama pihak industri samada di dalam atau di luar politeknik di sepanjang tempoh pengajian bagi membolehkan graduan bersedia melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan dalam sesebuah organisasi.

<sup>2</sup> Muka 19, Kod Amalan Akreditasi Program

<sup>3</sup> <http://www.cpsctech.org/management/dg/si/6-INDUSTRY-INSTITUTE%20INTERACTION%20TO%20PPP.pdf>



### 3. OBJEKTIF STRATEGIK

Mengukuhkan kerelevanan dan keresponsifan program.

### 4. PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Peratus program mencapai jam interaksi yang melibatkan PPI dalam proses P&P.

### 5. DEFINISI OPERASI

PPI adalah wakil industri yang menyumbang kepakaran dalam pelaksanaan P&P meliputi perancangan, penyampaian dan penilaian P&P ke arah menghasilkan graduat yang *work-ready*.

Industri<sup>4</sup> bermaksud organisasi luar selain organisasi bidang pendidikan yang terdiri daripada sektor awam, sektor swasta, NGO, badan professional dan lain-lain.

Jam interaksi ialah tempoh masa interaksi PPI bagi setiap aktiviti di politeknik untuk setiap tahun (*non-cumulative*), merangkumi pelajar Semester Satu sehingga Semester Akhir. Pelaksanaan 100% aktiviti PPI melibatkan kursus yang berkaitan bidang pengajian pelajar<sup>5</sup> adalah **AMAT DIGALAKKAN**.

Namun demikian, sekiranya terdapat aktiviti yang melibatkan kursus wajib, agihan pengiraan jam interaksi adalah seperti berikut:

- Sekurang-kurangnya 80% daripada jam interaksi yang dikira perlu melibatkan kursus yang berkaitan bidang pengajian pelajar<sup>5</sup>
- Tidak lebih 20% daripada jam interaksi yang dikira boleh melibatkan sebarang aktiviti dari kursus wajib.

Pengiraan jam ini adalah berdasarkan Jadual 1 di bawah

Jadual 1: Sasaran pusat pengiraan jam interaksi bagi mencapai KPI PPI

JENIS POLITEKNIK	PERATUS PROGRAM YANG PERLU MENCAPAI KPI PPI	JUMLAH JAM		
		2013	2014	2015
Premier	80	30	50	70
Konvensional 1 & 2	70			
METRO	70			

(Rujuk Perkara 7 dokumen ini untuk kaedah pengiraan yang lebih terperinci)

<sup>4</sup> Rujukan pada muka 44 dalam perkara ke-79 *Technical & Vocational Education and Training for the Twenty-first Century – UNESCO & ILO recommendation*

<sup>5</sup> Kursus bidang pengajian pelajar merujuk kepada Dokumen Kurikulum (Programme Information → Programme Structure) iaitu *common core course*, *discipline course* dan *elective course*. Pelaksanaan PPI melibatkan *compulsory course* juga boleh diambil kira dalam pencapaian KPI PPI namun terhad kepada 20% dari keseluruhan jam yang dikira

Program<sup>6</sup> ialah susunan kursus yang distruktur untuk suatu tempoh tertentu dan peringkat pembelajaran, bertujuan mencapai hasil pembelajaran yang telah ditentukan dan yang lazimnya menjurus kepada penganugerahan suatu kelayakan. Program-program ini ialah program peringkat diploma, diploma lanjutan dan juga sarjana muda.

Contoh:

- Diploma Kejuruteraan Awam
- Diploma Lanjutan Kejuruteraan Reka Bentuk dan Pembuatan Automatif
- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan

Interaksi bermaksud pertemuan PPI dengan pelajar merangkumi pelbagai kaedah/aktiviti pengajaran seperti:

- kuliah
- seminar
- lawatan akademik ke industri
- khidmat nasihat

Interaksi berlaku sama ada di:

- industri
- politeknik

Pelaksanaan kursus-kursus wajib (*compulsory courses*) juga dikira dalam pencapaian KPI PPI. Contoh: kursus *softskill*, *Occupational Safety and Health Administration* (OSHA), ko-kurikulum dan sebagainya yang berkaitan dengan P&P pelajar. Namun semua jenis aktiviti kemasyarakatan atau kesukarelaan tidak diambil kira dalam pengiraan KPI PPI. Pengiraan peratus KPI PPI melibatkan SEMUA kursus KECUALI Latihan Industri dan sesi P&P di industri bagi program *Work Based Learning* (WBL)

## 6. SASARAN PUSAT (CENTRAL TARGET)

Sasaran pusat atau *central target*<sup>7</sup> merupakan satu sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik kepada jenis politeknik untuk dicapai pada sesuatu tahun bagi tujuan *polytechnic rating* atau penentuan politeknik premier.

Contoh central target bagi politeknik premier:

*Central target* KPI PPI yang ditetapkan ialah sebanyak **80%** daripada **jumlah program yang ditawarkan** di sesebuah politeknik.

<sup>6</sup> Rujukan pada muka viii dalam Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA), Agensi Kelayakkan Malaysia

<sup>7</sup> Rujukan dari Minit Mesyuarat Pemantauan Perlaksanaan Time Sector Privatisation (TSP) Politeknik KPT Bil 2/2012

## 7. FORMULA PENGIRAAN

$$P = \frac{a}{A} \times 100$$

- P Peratus program yang mencapai jam interaksi melibatkan PPI  
a Bilangan program yang mencapai jam interaksi melibatkan PPI  
A Jumlah program yang ditawarkan di politeknik

### CONTOH PENGIRAAN 1:

Politeknik : Politeknik Ungku Omar  
Kategori : Premier  
Jum. program : 17

Sasaran pusat KPI PPI bagi politeknik premier adalah 80% dari jumlah program yang ditawarkan. Berdasarkan jumlah program yang ditawarkan, sebanyak 14 program perlu mencapai KPI PPI.

### CONTOH PENGIRAAN 2:

Jabatan : Kejuruteraan Awam  
Program : Diploma Kejuruteraan Awam

Pengiraan 30 jam interaksi (bagi tahun 2013) program DKA dikira berdasarkan:

- 80% daripada jam interaksi (atau sejumlah 24 jam) aktiviti PPI adalah yang berkaitan dengan **bidang pengajian pelajar**
  - Lawatan Akademik ke JKR Ipoh (2 jam)
  - Lawatan Teknikal ke Tapak Pembinaan Projek Sekolah Tambun (2 jam)
  - Panel Penilai Projek Akhir DKA (6 jam)
  - Penyelia Bersama Projek Akhir (6 jam)
  - Syarahan Teknikal oleh Jurutera Daerah Ipoh (3 jam)
  - Taklimat Teknologi Pembinaan Konkrit (2 jam)
  - Kursus AutoCAD 3D (3 jam)
- 20% daripada jam interaksi (6 jam) aktiviti PPI oleh jabatan/unit sokongan (Contoh: JPA/JMSK/Unit Sukan/Unit Psikologi dan Kerjaya)
  - Taklimat Pencegahan Kebakaran oleh Bomba (kokurikulum)(2 jam)
  - Kursus Pembangunan Resume dan Etika Temuduga (2 jam)
  - Pertandingan *Public Speaking* (1 jam) (PPI sebagai Juri)
  - Bengkel Pembahagian Harta Pusaka (1 jam)

## 8. PELAPORAN

Politeknik bertanggungjawab menyediakan dan mengemaskini semua dokumen berkaitan serta mengemukakan laporan aktiviti KPI PPI. Laporan perlu disertakan dengan analisa dan cadangan tindakan penambahbaikan (CQI) jika berkaitan. Format pelaporan adalah berdasarkan pada **LAMPIRAN 1: PELAPORAN AKTIVITI KPI PPI**.

Pelaporan pencapaian KPI PPI perlu dikemukakan ke BPA secara berkala selewat-lewatnya **30 HARI** selepas pelajar menduduki peperiksaan akhir bagi setiap semester. Format pelaporan pencapaian ini adalah berdasarkan pada **LAMPIRAN 2: PELAPORAN PENCAPAIAN KPI PPI BAGI POLITEKNIK**.

## 9. PELAKSANAAN PPI

Politeknik dikehendaki merancang Pelan Tindakan pelaksanaan KPI PPI setiap tahun dan salinan perancangan perlu dikemukakan kepada BPA seperti format di **LAMPIRAN 3: PELAN TINDAKAN PERLAKSANAAN KPI PPI POLITEKNIK**.

Aktiviti PPI perlu dipelbagaikan tanpa memberi fokus kepada aktiviti yang melibatkan peruntukan kewangan semata-mata.

Cadangan aktiviti pelaksanaan P&P melibatkan PPI:

*Syarahan/Kuliah, Taklimat, Lawatan Akademik/Teknikal, Panel Penilai Projek Akhir Pelajar, Kursus-kursus kemahiran/pensijilan industri seperti AutoCAD, CompTIA A+, CISCO CCNA dan sebagainya, Penyelia Bersama (co-supervisor)/Panel Projek Akhir Pelajar, Juri aktiviti akademik pelajar. Contoh: Pertandingan Inovasi/Rekacipta/Public speaking dll*

## 10. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan/maklumbalas/cadangan penambahbaikan boleh berhubung dengan:

### **PENGARAH**

Bahagian Pembangunan Akademik  
Jabatan Pengajian Politeknik  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia  
Aras 3 Galeria PjH  
Persiaran Perdana Presint 4  
62100 WP Putrajaya

Telefon : 03 – 8891 9242 / 9334 / 9351

Fax : 03 – 8891 9316

E-mel : akademik.jpp@mohe.gov.my

**PANEL PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN KPI PPI 2013-2015**  
**JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK**  
**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

*(Disusun mengikut abjad)*

<b>PENASIHAT</b>	Haji Kamaruddin bin Hamzah
<b>PENGERUSI</b>	Haji Zulkifli bin Md. Salleh
<b>SETIAUSAHA</b>	Noor Aidi binti Nadzri
<b>AHLI</b>	Khairul Azha bin Ahmad Noor Rosmawati binti Yusuf
<b>PANEL PENILAI</b>	Abdul Hanif bin Mustapha Hamidah Haneym binti Ab. Hamid Harlina binti Nordin Haslina binti Yusof Hassan bin Ismail Jamaliah binti Ahmad Mohd As'ri bin Chik Norah binti Mohd. Zam Norzilah binti Mohd Ali Roseliza binti Shaari

## FORMAT PELAPORAN AKTIVITI KPI PPI

1. Nama aktiviti
2. Latar belakang/Rasional (yang dikaitkan dengan kursus pengajian pelajar)
3. Objektif/*outcome*
4. Butiran aktiviti
  - a. Tarikh
  - b. Hari
  - c. Program
  - d. Tentatif
  - e. Tempat
  - f. Anjuran
  - g. Bilangan peserta
5. Butiran PPI
  - a. Nama pegawai
  - b. Jawatan
  - c. Jabatan/institusi
  - d. E-mel
6. Rumusan pelaksanaan aktiviti dan pencapaian terhadap objektif/*outcome*
7. Maklumbalas peserta dan pensyarah
8. Cadangan penambahbaikan (CQI)
9. Lampiran
  - a. Senarai nama peserta beserta tandatangan
  - b. Gambar
10. Surat penerimaan/persetujuan dari industri berkaitan atau dokumen bukti pembayaran kepada PPI

Disediakan oleh

Disahkan oleh

.....

.....

Nama :

Nama :

Tarikh :

Tarikh :

**Nota :**

- Pegawai yang menyediakan laporan ini merupakan pegawai yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan aktiviti yang dilaporkan.
- Pegawai yang mengesahkan dokumen terdiri dari Pengarah/Timbalan Pengarah (Akademik)/Timbalan Pengarah/Ketua Jabatan/Ketua Program
- Dokumen ini perlu disimpan oleh Ketua Program/wakil yang dilantik dan akan digunakan sewaktu lawatan keserakanan

## FORMAT PELAPORAN PENCAPAIAN KPI PPI BAGI POLITEKNIK

POLITEKNIK : .....

SESI : .....

## 1) RUMUSAN

Jumlah program yang ditawarkan oleh politeknik	
Jumlah program yang berjaya mencapai KPI PPI	
% Pencapaian	

## 2) PELAPORAN PERLAKSANAAN

BIL	JABATAN (Contoh : JKA**)	KOD PROGRAM (Contoh : DKA*)	PECAHAN JAM INTERAKSI		JUMLAH BILANGAN JAM INTERAKSI
			Kursus bidang pengajian	Kursus wajib	
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					
6.					
7.					
8.					
9.					
10.					

\*DKA – Diploma Kejuruteraan Awam

\*\*JKA – Jabatan Kejuruteraan Awam

## 3) ANALISA PELAKSANAAN (Best practices/isu/cabaran)

--

Disediakan oleh

Disahkan oleh

.....

.....

Nama :

Nama :

E-mel :

E-mel :

Tarikh :

Tarikh :

Nota :

- Pegawai yang mengesahkan dokumen terdiri dari Pengarah/Timbangan Pengarah (Akademik)/Timbalan Pengarah
- Pohon pegawai yang menyediakan dokumen ini untuk mengumpulkan keseluruhan maklumat dari jabatan akademik yang terlibat sebelum dikemukakan ke BPA
- Dokumen ini perlu dikemukakan ke BPA selewatnya 30 hari selepas peperiksaan akhir semester bagi setiap sesi

FORMAT PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN KPI PPI POLITEKNIK

POLITEKNIK : .....  
 TAHUN : .....

BIL	JABATAN (Contoh : JKA *)	KOD PROGRAM (Contoh : DKA**)	NAMA AKTIVITI YANG DIRANCANG	OUTCOME / OBJEKTIF	SASARAN JUMLAH JAM INTERAKSI	ANGGARAN KOS (RM)			CADANGAN PELAKSANAAN (Tandakan /)		
						OS24	OS29	OS42	JUMLAH	SESI DIS	SESI JUN
1.											
2.											
3.											

\* JKA – Jabatan Kejuruteraan Awam

\*\* DKA – Diploma Kejuruteraan Awam

Disediakan oleh

.....

Nama :  
 E-mel :  
 Tarikh :

Disahkan oleh

.....

Nama :  
 E-mel :  
 Tarikh :

Nota :

- Pegawai yang mengesahkan dokumen terdiri dari Pengarah/Timbalan Pengarah (Akademik)/Timbalan Pengarah
- Pohon pegawai yang menyediakan dokumen ini untuk mengumpulkan keseluruhan maklumat dari jabatan akademik yang terlibat sebelum dikemukakan ke BPA
- Dokumen ini perlu dikemukakan ke BPA selewatnya pada minggu ke-2 bagi tahun kiraan KPI